

# **KAJIAN TINJAUAN: KESEDARAN PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF DALAM KALANGAN SISWA GURU IPG KAMPUS ILMU KHAS**

Wiena Francisca Tony  
Mohd Zain bin Berahim  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas  
wienafra@gmail.com

## **ABSTRAK**

*Program Pendidikan Inklusif (PPI) merupakan sebuah program pendidikan untuk murid berkeperluan khas. Program ini memberi peluang kepada murid berkeperluan khas untuk belajar bersama-sama dengan murid aliran perdana dalam kelas yang sama. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, sepertinya siswa guru masih tidak begitu mengetahui pelaksanaan dan dasar Program Pendidikan Inklusif di sekolah. Kesedaran akan program ini penting bagi memastikan pelaksanaan yang berjaya. Oleh yang demikian, kajian ini telah dijalankan bagi mengukur tahap kesedaran Program Pendidikan Inklusif dalam kalangan siswa guru IPGKIK. Sampel yang diambil terdiri daripada kalangan siswa guru PISMP ambilan Jun 2018 semester Lapan seramai 41 orang. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa Kesedaran Pendidikan Inklusif dalam kalangan Siswa Guru Semester Lapan IPGKIK berada pada tahap sederhana tinggi (Min= 3.53). Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Semua data yang dikutip adalah melalui soal selidik yang disediakan. Seterusnya, bagi proses penganalisan data pula menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 26. Kesimpulannya, kajian ini akan banyak membantu ramai pihak untuk mengukur sejauh mana kesedaran siswa guru akan Program Pendidikan Inklusif ini dan program-program yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kesedaran siswa guru akan PPI.*

**Kata kunci:** *Program Pendidikan Inklusif, kesedaran, siswa guru*

## **PENGENALAN**

Murid berkeperluan khas bermaksud golongan murid yang diakui oleh pengamal perubatan, ahli audiologi, ahli optik mahupun psikologi bahawa mereka mempunyai ketidakupayaan dalam penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, pertuturan, fizikal, pembelajaran ataupun mana-mana kombinasi ketidakupayaan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Manakala, Program Pendidikan Inklusif (PPI) pula telah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1995 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

(NorShidah Salleh et al.,2009). Program Pendidikan Inklusif itu secara definisinya ialah sebuah program pendidikan untuk murid berkeperluan khas, iaitu mereka belajar bersama-sama dengan murid arus perdana dalam satu kelas yang sama. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pihak sekolah, guru mahupun guru pelatih mempunyai peranan yang besar dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan sesuai untuk MBK agar potensi mereka dapat diasah ke tahap yang maksimal. Guru mahupun guru pelatih wajib untuk memahami konsep dan matlamat PPI secara mendalam agar PPI dapat dilaksanakan dengan lancar seiring dengan hasrat KPM dan murid turut dapat kebaikannya.

Pendidikan Guru dan juga Institut Pendidikan Tinggi Awam harus ditekankan. Golongan siswa ini harus mempunyai sebuah *mindset* bahawa pengetahuan terhadap PPI penting sebelum memulakan tugas mereka secara rasmi. Oleh yang demikian, kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengukur sejauh mana kesedaran siswa guru akan Pendidikan Inklusif sebelum berkhidmat di sekolah nanti.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan pemerhatian kasar yang dilakukan, didapati bahawa Siswa Guru Institut Perguruan Kampus Ilmu Khas (IGPKIK) tidak begitu memahami konsep Pendidikan Inklusif walaupun telah mempelajari kursus ini pada semester Enam yang lalu. Pengetahuan siswa guru masih berada di tahap yang sederhana kerana pendedahan yang diberikan semasa kursus tidak begitu teliti serta masa yang diperuntukkan amat terhad. Selain itu, tenaga pengajar yang mengajar juga tidak arif kerana mereka bukan daripada bidang pendidikan khas sendiri. Perkara ini menyebabkan siswa guru hilang minat dalam kursus Pendidikan Inklusif.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Objektif kajian adalah bagi :

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan umum Siswa Guru Semester Lapan IPGKIK terhadap Pendidikan Inklusif.
2. Mengukur pengetahuan siswa guru dalam menggunakan teknik pengajaran serta bahan belajar yang sesuai untuk murid inklusif.

Dua persoalan kajian iaitu:

1. Apakah tahap pengetahuan siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif?
2. Apakah tahap pengetahuan siswa guru mengenai teknik pengajaran dan bahan belajar yang sesuai untuk murid inklusif?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif secara tinjauan melalui soal selidik dengan tujuan untuk mengetahui tahap Kesedaran Program Pendidikan Inklusif Dalam Kalangan Siswa Guru Semester Lapan IPGKIK. Kajian ini dijalankan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang melibatkan responden dalam kalangan siswa guru dari semester lapan dan hasil daripada soal selidik dibahagikan kepada beberapa aspek.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat untuk pengumpulan data. Semua soal selidik ini dijadikan asas kepada pembinaan item bagi kajian ini. Namun begitu, soal selidik ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian yang dilaksanakan. Sebanyak 29 item telah digunakan untuk mengukur kesedaran Pendidikan Inklusif dalam kalangan siswa guru.

## ANALISIS DATA

Data-data soal selidik bagi kajian ini diproses dengan menggunakan 'Statistical Package for the Sosial Science' versi 26 (SPSS). Statistik seperti peratus dan min akan digunakan dalam analisis deskriptif. Analisis deskriptif telah digunakan dalam kajian ini untuk menerangkan tentang Kesedaran Program Pendidikan Inklusif dalam kalangan Siswa Guru Semester Lapan IPGKIK. Bagi menjawab persoalan tersebut pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 1.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1

*Interprestasi Skor Min*

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah (R)
2.10 – 3.00	Sederhana Rendah (SR)
3.10 – 4.00	Sederhana Tinggi (ST)
4.10 – 5.00	Tinggi (T)

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa terdapat seramai 41 orang siswa guru semester Lapan IPGKIK yang terdiri daripada 15 orang siswa guru Pendidikan Khas dengan peratusan 36.59%, 18 orang siswa guru Pendidikan Muzik dengan peratusan 43.90% dan 8 orang siswa guru

Pendidikan Jasmani dengan peratusan 19.51%. Hanya 23 orang siswa guru dengan peratusan sebanyak 56.09% sahaja yang mempunyai pengalaman terlibat dalam PPI manakala 18 orang lagi dengan peratus 43.91% belum berpengalaman dalam melaksanakan PPI.

### KESEDARAN AKAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS

Dapatan kajian kesedaran siswa guru IPGKIK terhadap Program Pendidikan Inklusif dianalisis secara deskriptif berdasarkan min daripada tahap pengetahuan umum PPI serta pengetahuan teknik mengajar dan bahan bantu mengajar untuk murid inklusif.

Jadual 2

*Taburan Min Aspek Pengetahuan Umum Terhadap Pendidikan Inklusif*  
**Pengetahuan Umum Terhadap Pendidikan Inklusif**

Bil.	Pernyataan	Min	Tahap
1	Saya mempunyai pengetahuan tentang Program Pendidikan Inklusif.	4.46	T
2	Saya yakin dapat menentukan pedagogi yang berkesan bagi Program Pendidikan Inklusif.	3.88	ST
3	Saya faham dengan jelas setiap topik yang dipelajari dalam Program Pendidikan Inklusif.	3.93	ST
4	Saya mempunyai kemahiran untuk memberi motivasi kepada murid dalam Program Pendidikan Inklusif	3.93	ST
5	Saya tahu matlamat dan objektif Program Pendidikan Inklusif dengan jelas	4.20	T
6	Saya faham akan asas dan sejarah Program Pendidikan Inklusif	4.02	T
7	Saya mampu untuk melaksanakan pedagogi dalam Program Pendidikan Inklusif.	3.85	ST
8	Saya mampu untuk mengatur strategi untuk mengatasi halangan yang wujud semasa pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif.	3.98	ST
9	Saya mengetahui proses-proses pemilihan murid untuk Program Pendidikan Inklusif.	4.05	T
10	Saya tahu peranan dan tanggungjawab dalam pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif.	4.12	T
11	Saya tahu badan bukan kerajaan yang terlibat dalam Program Pendidikan Inklusif.	3.71	ST
12	Saya mampu untuk mengendalikan ujian-ujian khas dan menganalisis hasil ujian dengan cekap.	3.61	ST
13	Saya ada pengetahuan dan kemahiran dalam mengenal pasti murid berkeperluan khas. (termasuk pembelajaran, penglihatan dan pendengaran).	3.98	ST
14	Saya memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam kaedah serta teknik pengajaran yang sesuai dan berkesan.	3.98	ST

15	Saya boleh berkongsi maklumat dengan rakan-rakan lain untuk mengembangkan pengetahuan.	4.02	T
16	Saya berpengetahuan dan berkemahiran dalam menghasilkan dan mengendalikan bahan bantu mengajar (BBM) untuk MBK.	3.95	ST
17	Saya berpengetahuan dan berkemahiran dalam teknologi bagi menyediakan alat berbantu dalam pedagogi Inklusif.	4.00	T
18	Saya mampu menyediakan Rancangan Pendidikan Individu untuk MBK.	4.05	T
19	Saya tahu mengadaptasi kurikulum dan bahan pengajaran dalam pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif	3.95	ST
<i>N=41</i>			
Min keseluruhan		<b>3.98</b>	<b>ST</b>

Bagi aspek pengetahuan umum Siswa Guru Semester Lapan IPGKIK terhadap Pendidikan Inklusif, terdapat tiga item berada dalam kategori tinggi. 15 item pula berada pada kategori sederhana tinggi. Tiada item yang berada dalam kategori rendah. Pengetahuan umum siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif berada pada tahap sederhana tinggi sahaja.

### Jadual 3

#### *Taburan Min Bagi Aspek Teknik Mengajar dan Bahan Bantu Mengajar* **Teknik Mengajar dan Bahan Bantu Mengajar**

Bil	Pernyataan	Min	Tahap
1	Saya tahu bahawa guru aliran perdana perlu berkolaborasi dengan Pendidikan Khas.	4.28	T
2	Saya tahu bahawa guru perlu mengenal pasti tahap keupayaan MBK.	4.31	T
3	Saya tahu bahawa teknik pengajaran langkah demi langkah dan teknik ulangan harus diaplikasikan dalam kelas.	4.10	T
4	Saya tahu bahawa kekuatan murid harus digunakan dalam sesi PdP mereka.	4.30	T
5	Saya tahu bahawa Rancangan Pendidikan Individu mempunyai matlamat jangka masa pendek dan jangka masa panjang mengikut keperluan individu.	4.12	T
6	Saya tahu murid masalah pendengaran menggunakan <i>alternate keyboards</i> dan <i>extra large keys</i> .	3.29	ST
7	Pihak sekolah seharusnya menyediakan mesin braille untuk murid bermasalah penglihatan.	4.32	T

8	Saya tahu bahawa guru Pendidikan Khas mempunyai peranan untuk memberikan maklumat khusus untuk menghasilkan BBM efektif bagi MBK.	4.14	T
9	Saya tahu BBM harus bersaiz besar untuk memudahkan MBK dalam bilik darjah.	4.05	ST
10	Saya tahu bahawa elemen terapi perlu ada dalam aktiviti PdP untuk murid Program Pendidikan Inklusif. N=41	3.95	ST
Keseluruhan min		<b>4.09</b>	<b>ST</b>

Bagi aspek mengajar dan bahan bantu mengajar, terdapat 3 item sahaja berada pada tahap sederhana tinggi manakala yang selebihnya berada pada tahap tinggi. Pada bahagian ini, semuanya berada di tahap sederhana tinggi.

## PERBINCANGAN

Kajian ini melihat kesedaran siswa guru IPGKIK terhadap Program Pendidikan Inklusif berdasarkan pengetahuan umum mengenai PPI serta pengetahuan mengenai teknik serta bahan bantu mengajar yang sesuai untuk murid inklusif. Hasil dapatan kajian yang telah dianalisis mendapati bahawa secara keseluruhannya Pengetahuan Pendidikan Inklusif dalam kalangan Siswa Guru IPGKIK berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala bagi aspek yang dikuasai adalah mengenai teknik mengajar dan Bahan Bantu Mengajar yang sesuai untuk murid inklusif.

Hasil dapatan juga menarik kerana hanya 56.09% (23 orang) siswa guru yang pernah terlibat dengan PPI sepanjang praktikal yang dijalani mereka. Manakala, 49.91% (18 orang) siswa guru hanya bersandarkan subjek Pendidikan Inklusif yang ditawarkan semasa semester enam untuk mengetahui tentang PPI. Peratus ini menunjukkan bahawa ada guru yang berpeluang untuk memantapkan lagi pengetahuan mereka mengenai PPI semasa praktikal. Seharusnya, semua siswa guru yang menjalani praktikal selama dua semester mempunyai peluang sekurang-kurangnya sekali terlibat dengan PPI di sekolah. Sedikit pengalaman itu sangat berguna apabila mereka menjadi guru kelak. Tambahan pula, PPI ini masih baru dalam negara kita maka siswa guru yang berpengetahuan dalam PPI ini dapat mengongsikan pengalaman dan pengetahuan mereka kepada guru-guru veteran di sekolah.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini merangkumi persoalan-persoalan kajian seperti Tahap Pengetahuan Umum Mengenai Program Pendidikan Inklusif dan tahap pengetahuan akan Teknik Mengajar dan Bahan Bantu Mengajar yang sesuai untuk MBK. Hasil dapatan akhirnya menunjukkan bahawa pengetahuan umum mengenai PPI dalam Siswa Guru IPGKIK Ambilan Jun 2018 hanya berada pada tahap sederhana tinggi sahaja dengan nilai min 3.98. Manakala, tahap pengetahuan mereka dalam menggunakan teknik dan bahan bantu mengajar yang sesuai berada pada tahap yang sederhana tinggi iaitu dengan min 4.09. Keseluruhan min adalah 4.03, maka kesedaran mengenai Program Pendidikan Inklusif dalam kalangan Siswa Guru IPGKIK Ambilan Jun 2018 berada pada tahap sederhana tinggi.

## **IMPLIKASI**

Implikasi kajian ini ditujukan terutamanya kepada Siswa Guru IPGKIK Ambilan Jun 2018. Melalui kajian ini, siswa guru dapat melihat tahap kesedaran mereka terhadap Program Pendidikan Inklusif. Hal ini apabila mereka mempunyai pengetahuan maka keyakinan mereka juga bertambah dalam pelaksanaan kerja mereka seperti yang dikatakan dalam teori Humanistik oleh Carl Rogers iaitu manusia mempunyai keperluan dan keperluan asas (Azizi Yahaya et al., 2005). Keperluan yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah keperluan pengetahuan terhadap aspek-aspek dalam PPI.

Seterusnya kajian ini juga memberi implikasi kepada pihak sekolah. Pihak sekolah boleh memberikan pendedahan awal kepada siswa guru ini dengan menugaskan mereka di kelas yang mempunyai murid inklusif sekurang-kurangnya satu masa (30 minit) PdP. Dengan usaha ini, siswa guru akan lebih terdedah mengenai pelaksanaan PPI secara praktikal berbanding sekadar menerima pengetahuan di IPG.

Implikasi ini juga melibatkan pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) kerana IPGM merupakan pihak yang bertanggungjawab terhadap pendedahan awal kepada PPI. Di samping hanya memperuntuk tiga jam kredit untuk satu semester bagi subjek Pendidikan Inklusif secara teori semata-mata, pihak IPGM boleh menetapkan satu jam kredit untuk sesi praktikal singkat yang dijalankan dalam tempoh yang sesuai.

## **CADANGAN**

Setelah meneliti kajian dan hasil dapatan yang diperoleh, maka saya mencadangkan agar kajian ini diteruskan namun dengan beberapa

penambahbaikan. Pertama, dari segi skop persoalan. Pengkaji boleh menambahkan bilangan soalan yang bersesuaian dan lebih terperinci.

Kedua, bagi aspek instrumen kajian iaitu saya menyedari sebagai pengkaji adalah lebih baik sekiranya pengkaji juga menyediakan soal jawab terbuka kepada responden. Responden juga berpeluang untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh dilakukan dalam usaha mengukuhkan lagi kesedaran PPI terutamanya dalam kalangan Siswa Guru Ambilan Jun 2018

Akhir sekali, bilangan responden juga boleh ditambah dan adalah lebih baik sekiranya 80% daripada jumlah siswa guru dalam kohort tersebut dijadikan responden. Hal ini kerana semakin ramai responden semakin jitu hasil dapatan yang diperolehi.

## RUJUKAN

Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, & Zakariya Zurihanmi. (2005). *Psikologi Kognitif*. Universiti Teknologi Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020, Februari). *Program Pendidikan Khas Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia*.  
<https://kitpramenulis.com/program-pendidikan-khas-menurut-kementerian-pendidikan-malaysia/>

Norfishah Mat Rabi, Nor Hasnida Che Md Ghazali, & Piragasam, G. A. (2018). Kepentingan Kursus Pendidikan Inklusif Ke Arah Persediaan Guru Pra Perkhidmatan Mengajar Murid Berkeperluan Khas di Sekolah. *International Journal of Academic Research in Business dan Social Sciences*, 8(11), 1848-1858.